

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH  
[ LENGGONG ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ]**  
minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan :-

- (a) sejak kempen 'Sayangi Sawitku' dilaksanakan berapa jumlah peningkatan penggunaan minyak sawit di kalangan rakyat serta kenaikan eksport oleh negara luar dan sejauh mana ia berjaya meningkatkan harga minyak sawit mentah negara; dan
- (b) mengapakah harga getah masih lagi gagal distabilkan oleh Kerajaan sehingga mengakibatkan harga getah masih lagi rendah iaitu di paras RM2.07sen pada September yang lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kempen Sayangi Sawitku diadakan sepanjang tahun 2019 dengan tujuan memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit dan juga cabaran yang dihadapi oleh komoditi sawit. Di samping itu, kempen ini juga bertujuan untuk menggalakkan rakyat Malaysia mempertahankan komoditi sawit dan menjadi jurucakap sawit melalui pendekatan '*From Malaysia, we speak to the world*'.

Jumlah eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara-negara luar telah meningkat sebanyak 11.3% iaitu daripada 12.4 juta tan bagi Januari – Jun 2018 kepada 13.8 juta tan bagi tempoh yang sama pada tahun ini. Hal

ini secara tidak langsung adalah pencapaian kempen Sayangi Sawitku yang telah berjaya meningkatkan penerimaan dan kesedaran terhadap minyak sawit.

Selain itu, pelaksanaan kempen ini menunjukkan impak positif dengan lebih ramai rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat telah tampil untuk menyuarakan sokongan terhadap industri sawit negara termasuk pemimpin utama negara, tokoh korporat, personaliti media, ketua masyarakat, pelajar dan lain-lain. Manakala industri lain seperti penerbangan, pelancongan dan hiburan juga turut bekerjasama menjayakan kempen ini melalui penajaan dan publisiti.

Seperti komoditi negara yang lain, getah asli adalah berorientasikan eksport dan harganya ditentukan oleh permintaan dan penawaran di pasaran antarabangsa serta tidak dikawal oleh Kerajaan. Di samping itu, terdapat faktor-faktor ekonomi asas dan bukan asas lain yang turut mempengaruhi harga getah asli seperti paras stok getah antarabangsa, prestasi niaga hadapan, harga minyak mentah, kadar pertukaran matawang asing dan pertumbuhan ekonomi negara-negara pengeluar dan pengimport utama getah dunia. Oleh kerana syer pengeluaran Malaysia adalah hanya 4.3% daripada pengeluaran getah dunia, maka Malaysia tidak mampu untuk bertindak sendirian. Namun begitu, Kementerian sentiasa berusaha meneroka pasaran baharu sebagai salah satu usaha bagi menstabilkan harga komoditi getah negara.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia komited dan terus bekerjasama dengan negara pengeluar utama getah seperti Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* bagi memperkukuhkan harga getah. Di bawah kerjasama ini, syer pengeluaran ketiga-tiga negara ini adalah 67% daripada pengeluaran getah asli dunia pada tahun 2018. Skim Kuota Pengeksportan yang Dipersetujui (*Agreed Export Tonnage Scheme - AETS*) adalah mekanisme jangka pendek untuk mengurangkan bekalan getah antarabangsa.

Sekian terima kasih.